

04/12/2001

Xenophobia demi jati diri Melayu

Azman Hussin

ADA kumpulan penulis dan pemikir Melayu marah dan menyindir saya kerana terlalu mengagungkan idea tokoh pemikir Barat dan menakjubi tamadun mereka. Ini diluahkan secara lisan, juga dalam tulisan. Kononnya saya hanya berlagak (snobbish), memetik pendapat dan intisari fikiran manusia kafir demi memperkuatkan hujah. Kata mereka, saya tiada jati diri Melayu, dan mahu tunjuk banyak menelaah buku dan karya Mat Salih. Dalil mereka, saya muflis dan bankrap jati diri.

Jati diri, apa itu jati diri? Saya tidak mahu dan malas membelek Kamus Dewan untuk mencari definisi jati diri. Saya difahamkan jati diri adalah ketulenan diri seseorang/sesebuah kaum atau warga, malah membawa makna lebih mendalam lagi. Satu kod atau tanda sahsiah sesebuah bangsa.

Dalam dunia penuh kacukan dan pertembungan budaya ini, jati diri sejati hanyalah peniruan belaka. Peniruan secara sedar atau tidak, yang menjalani proses yang lama dan tidak akan selesai. Ia hanya jargon besar tanpa faedah. Jati diri semakna dengan peniruan. Tiada keaslian, selain elemen pengaruh-mempengaruhi.

Apa itu jati diri Melayu? Jika dilihat jati diri manusia Melayu sebenar sejak zaman dahulu, tidakkah banyak di dalamnya elemen dongeng, tahyul, dan khurafat. Misalnya, mereka mengamalkan budaya puja pantai, puja semangat padi, berlaga kerbau (malah segala macam haiwan termasuk ayam, ikan, atau kucing), berjudi, mabuk tuak, mandi bulan Safar (tolak bala), tenung nasib, dan sejuta satu macam benda karut lagi. Malah, dalam tamadun kuno dan primitif lain, bangsanya juga mengamalkan kepercayaan lebih kurang begini, sebelum kemajuan menghancurkan sebahagian besarnya. Inikah jati diri yang mahu dibanggakan kita?

Dalam sebuah buku bertajuk *The 100 a Ranking of the Most Influential Persons in History*, tulisan Michael H. Hart, (Citadel Press New Jersey & Meera Publication, Madras), meletakkan Nabi Muhammad saw manusia paling berpengaruh. Dalam buku itu tiada kedapatan pun nama Melayu. Majoritinya Made in Western.

Bangsa Melayu hidup dalam alam jati diri eskapisme dan inferiority complex sebetulnya. Meminjam kritikan Dr Mahathir Mohamad (saya lupa sumber rujukannya), manusia inferiority complex suka mengecam manusia lain untuk menutup kelemahan dirinya, meskipun dia tahu orang itu lebih baik. Mereka mengutuk orang lain kerana mereka tidak berpeluang melakukannya. Bagi saya, begitulah juga terjadi kepada bangsa Melayu. Banyak budaya dan adat Melayu, yang kononnya bersifat jati diri Melayu, bertentangan logik akal, malah menyalahi agama Islam sendiri.

Betulkah ada bangsa manusia di dunia ini yang ada jati diri? Tidakkah jati diri Melayu itu sebagai yang disebut oleh banyak sarjana adalah salinan pengaruh Hindu-Buddha yang bertapak kukuh sejak awal lagi di Lembah Bujang, Gangga Negara, Borobudur, Ayyuthia, atau Langkasuka? Tidakkah banyak unsur ini yang terserap dalam karya agung bangsa kita seperti Sulalatus Salatin?

Dari segi genetik, Dr Mahathir dalam buku kontroversinya, *The Malay Dilemma*, menyatakan warisan genetik Melayu memang lemah, ditambah pula faktor persekitaran dan adat resam yang diamalkan orang Melayu memungkinkan kemunduran dan kemerosotan pemikirannya.

Pengkritik tulisan saya, pada anggapan saya, sedang mengalami xenophobia kronik. Barangkali juga dirasuk kebingungan istilah jati diri. Mereka hanya merapu, meracau, dan hidup dalam khayalan, mitos, dan legenda tak

pernah wujud. Semua dari Barat mesti ditolak, mesti diganyang, mesti dibelasah habisan. Mereka penganut patriotisme-nasionalisme jumud, totok, lagi rigid, dan tidak fleksibel.

Saya ingin bertanya satu soalan kepada pengkritik itu: Apakah semua dari Barat sesat dan tak berguna? Tidakkah kebenaran itu bukan di Barat dan bukan di Timur. Di Barat juga muncul manusia yang cintakan keamanan dan pencari kebenaran, sebagaimana Noam Chomsky, Abraham Lincoln, Mother Theresa, Martin Luther King dan Mahatma Ghandhi. Malah, ada yang sukarela mengorbankan jiwa raga atau turut terkorban demi perjuangan kesejahteraan dunia sejagat, misalnya Socrates, Galileo, Jose Rizal atau Che Guevera.

Salahkah jika pendapat dan idea mereka yang baik kita guna pakai? Pedulilah jika mereka dihumban ke neraka, kerana pada lebah ada bisa sengatan dan ia juga sumber madu dan penawar banyak penyakit sebagaimana diriwayatkan sebuah hadis. Tidakkah orang tua kita mengajar anak: Yang buruk kita buang, yang baik kita teladani.

Tetapi, dalam keseronokan kita mengecam Barat, mengapa kita menerima juga isme berbau atheis seperti absurdisme dan eksistensialisme, yang jelas sifat jahil dan bankrapnya!

Salah satu krisis bangsa Melayu, seperti bangsa mundur lain juga, adalah terlalu mengagung dan melaungkan semangat jati diri perkauman, tidak mahu membuka minda dan menyerap pengaruh luar yang positif. Mereka mendabik dada, macam Pak Kaduk ditipu raja.

Harus ikhlas kita akui, di kalangan bangsa Melayu masih belum ada tokoh yang mengubah dunia. Hero Melayu hanya Hang Tuah dan tidakkah itu pun dongeng? Kenapa? Kerana jati diri kita terlalu tebal. Rasisme kita memungkinkan semua ini. Kebanyakan kelengkapan harian yang kita guna pakai hari ini dicipta manusia Barat. Susahkah kita akui semua ini? Adakah salah sekiranya mengakui kekurangan diri, kemudian kita mengubahsuai dan membaikinya untuk kemajuan?

Kini bukan masanya melaungkan semangat dan isme perbanggaan kaum yang terperosok bawah tempurung. Bukan masanya menunjuk hebat siapa Jebat, siapa Tuah, siapa Tun Perak. Siapa mahir melipat sirih, menganyam mengkuang, menyala jamung, berpencak silat. Sekarang zaman globalisasi yang terpaksa ditempuh, era universal. Kita seharusnya mengadaptasi dan mengubahsuai unsur sekeliling kita untuk survival hidup.

Sulalatus-Salatin, Hikayat Hang Tuah, Merong Mahawangsa, Panji Semerang, Misa Melayu, kita diajar hanya perkara luaran dan memungkinkan kita menimbulkan persoalan bahawa natijahnya di dalamnya hanya menngarut. Guru yang mengajar kita tidak mengatakan bahawa kitab itu adalah kitab kebijaksanaan dan tiada apa boleh dijadikan iktibar. Betulkah begitu? Karya agung sepatutnya membawa gagasan yang boleh memandu manusia. Tapi kita diajar dengan menggunakan kaca mata orang lain sehingga kebijaksanaan yang ada di dalamnya tak dapat dicungkilkan.

Barangkali adalah munasabah saya menimbulkan persoalan apakah seleksi karya agung di dunia Melayu hanya berkisarkan kepada karya berbentuk sastera. Tiada buku dalam bentuk lain diambil kira seperti dalam genre ekonomi, falsafah, sosial, politik.

Buku *The Malay Dilemma*, bukan buku sastera, bukan novel, adakah bukan suatu karya agung? Tidakkah nanti suatu masa kelak, bakal menjadi magnum opus alam Melayu. Kenapa? Buku berkenaan mengupas krisis dan permasalahan bangsanya secara kritis juga menyarankan suatu gagasan untuk memperbaiki kemunduran bangsa Melayu dalam agama, politik, ekonomi, dan sosial.

Bandingkan dengan karya Barat daripada Joseph Conrad, Aristotles, Jean Jacques Rousseau, Adam Smith, Ernest Miller Hemingway, Sigmund Freud adalah magnum opus. Dan memang semua buku tadi membawa dan menyebarkan impak kepada dunia.

Kepada pengkritik, saya cadangkan mulai hari ini mogoklah dari memakai

produk Barat seperti komputer, Internet, telefon selular, kereta, televisyen dan mesin pencetak, kerana ia bukan ciptaan manusia Melayu. Teropong anak bulan Ramadan/Syawal, pun dikhayalkan manusia Itali bernama Galileo Galilei.

Sinisnya lagi, Barat yang tinggi mencapai kemajuan teknologi hari ini, juga bangsa peniru. Mereka mengubahsuai dari tamadun Arab, China dan India.

Anda Cina atau India, atau kaum asli, tidak penting. Yang penting, kebenaran yang anda anuti dan yakini. Melayu hanya satu bangsa dari beribu bangsa di dunia ini, yang dijadikan Tuhan untuk memperlihatkan kekuasaan-Nya. Kerana kebenaran itu sebenarnya bersifat sejagat. Apa sangat yang mahu diperjuangkan dengan isme kebangsaan. Mahu dibanggakan apa dengan serpihan Melayu-Champa di Laos, Madagaskar, Pattani, dan Cape Town, Afrika Selatan?

(END)